



JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL SULTNAH AMINAH JOHOR BAHRU



KETUA JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

DR MD SAED BIN MIAN

PAKAR PERUNDING PERUBATAN KECEMASAN

KETUA JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Tel :607-2231666 samb 3257 (Waktu Pejabat) / 3225 (Selepas Waktu Pejabat)

Fax :607-2242694

[Email: saedmian@moh.gov.my](mailto:saedmian@moh.gov.my)

PENGENALAN JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Jabatan Kecemasan dan Trauma HSAJB merupakan salah satu jabatan yang penting di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru di mana jabatan ini merupakan barisan hadapan bagi struktur hospital ini. Jabatan ini terletak di sebelah timur bangun induk berhadapan Selat Tebrau.

SKOP PERKHIDMATAN

Rawatan Kecemasan 24 jam.

Menerima semua kes kecemasan seperti kes kemalangan, kecederaan teruk, kes O&G dan sebagainya.

Pusat Rujukan Terus.

Menerima rujukan terus daripada Klinik Kesihatan, KKIA, Hospital-hospital Daerah, Klinik Swasta dan rujukan dari orang awam.

Pusat Kemasukan Rujukan Hospital Lain.

Menerima kes kemasukan sementara pesakit bagi tujuan penstabilan daripada Klinik dan Hospital daerah sebelum dimasukkan ke wad.

Pengendalian Kes-Kes Polis.

Memberi Laporan Perubatan berkaitan dengan Kes Polis serta kes kes yang berkaitan dengan Pusat Krisis setempat dan kes-kes ke matian berkaitan jenayah atau tidak.

Pengendalian Kes OSCC (Pusat krisis setempat) seperti kes rogol, liwat, kegenasan domestik (suami isteri) dan penderaan kanak-kanak.

Asthamatic Bay bagi membantu pesakit asma (acute asthma)

Minor OT bagi kes luka akibat kecederaan

Pasukan Pelindung Perubatan

Pusat Koordinasi Panggilan Perubatan Kecemasan Johor Bahru Selatan (MECC)

Perkhidmatan Ambulan-Rawatan Pra Hospital

Pusat Latihan dalam perkhidmatan

Pusat Pengurusan Bencana

OBJEKTIF

1. Memberikan perawatan Kecemasan bersepadu dan berterusan bermula dari perkhidmatan pra hospital sehingga ke hospital.
2. Memberikan perkhidmatan yang berkualiti bagi setiap fasa pengurusan kritikal bermula dari perkhidmatan pra hospital, perkhidmatan triage dan pengurusan pesakit di zon-zon khas iaitu Kritikal, Separa Kritikal dan Tidak Kritikal.
3. Memastikan perawatan yang tepat , efisien, efektif melibatkan resusitasi, pengstabilan, diagnosis dan pelaksanaan prosedur menyelamatkan nyawa.
4. Memberikan rawatan kecemasan kepada pesakit melalui pendekatan berkumpulan yang terdiri daripada Pakar Kecemasan, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat

VISI

“PROFESSIONALISME DAN KERJASAMA KE ARAH KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN KECEMASAN”

MISI

Kami komited untuk menyediakan rawatan yang tepat, cepat dan perkhidmatan penjagaan dalam cara yang sopan untuk memastikan keperluan dan kepuasan pelanggan di penuhi.

PIAGAM PELANGGAN

Di dalam memenuhi keperluan (KECEMASAN) sebagai pesakit, kami adalah komited dengan memberikan rawatan dengan cepat dan tepat berlandaskan perkara-perkara berikut :

Semua pesakit akan melalui saringan di kaunter TRIAGE :

- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan kritikal, akan dilihat serta merta oleh Pegawai Perubatan.
- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan separa kritikal, akan dilihat oleh Pegawai Perubatan dalam jangkamasa 15 minit.
- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan tiadak kritikal, akan dilihat oleh Pegawai Perubatan dalam jangkamasa 30 minit hingga 60 minit.

PERKHIDMATAN

Jabatan Kecemasan dan Trauma mengendalikan kes-kes kecemasan 24 jam sehari. Pesakit-pesakit yang datang ke Jabatan Kecemasan dan Trauma di klasifikasikan mengikut keterukan dan ketenatan pesakit. Semua kedatangan pesakit adalah melalui kaunter Triage. Pengklasifikasian adalah seperti berikut ;

ZON MERAH (KRITIKAL)



- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan kritikal, akan dilihat serta merta oleh Pegawai Perubatan
- Memberi rawatan kepada kes-kes yang tidak stabil.
- Memberi perkhidmatan rawatan kecemasan bagi pesakit yang mengancam nyawa.
- Melakukan investigasi makmal dan x-ray bagi pesakit.
- Menyediakan rawatan kecemasan seperti "Intubation", "Central venous line", "Arterial line", "Cardiopulmonary Resuscitation"

ZON KUNING (SEPARA KRITIKAL)

- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan separa kritikal, akan dilihat oleh Pegawai Perubatan dalam jangkamasa 15 minit.
- Memberi rawatan kepada kes-kes yang separa kritikal.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan secara laluan terus tanpa perlu menunggu.
- Memberi rawatan bagi kes-kes trauma yang mana haemodinamiknyanya adalah stabil tetapi pesakit tidak boleh berjalan.
- Memberi perkhidmatan rawatan kecemasan bagi penyakit –penyakit yang akut.



ZON HIJAU (TIDAK KRITIKAL)



- Sekiranya dikategorikan sebagai kecemasan tidak kritikal, akan dilihat oleh Pegawai Perubatan dalam jangkamasa 30 minit hingga 60 minit.
- Memberi rawatan kepada kes-kes yang stabil. Menyediakan perkhidmatan rawatan asthma secara laluan terus tanpa perlu menunggu.
- Memberi rawatan bagi kes-kes trauma yang mana haemodinamiknyanya adalah stabil. Memberi perkhidmatan rawatan kecemasan bagi penyakit –penyakit yang akut.
- Melakukan investigasi makmal dan x-ray bagi pesakit yang memerlukan.
- Menyediakan khidmat nasihat perubatan khasnya kepada pesakit asthma dan bagi penyakit kronik yang lain.
- Memberi perkhidmatan rujukan kepakaran bagi kes-kes yang memerlukan rawatan susulan.

KRPSWP

Walaupun bagaimanapun untuk memenuhi kehendak pesakit dan juga sebagaimana yang di arahkan oleh Kementerian, Jabatan Kecemasan dan Trauma juga mengendalikan klinik- klinik untuk kes-kes bukan kecemasan (Kes Pesakit Luar) selepas waktu pejabat dan juga pada hari-hari kelepasan. Klinik ini dinamakan Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP)

Jadual Untuk KRPSWP adalah seperti berikut



HARI-HARI BERKERJA	5.00 PETANG -12.00 MALAM
HARI-HARI KELEPASAN	08.00 PAGI –2.00 PETANG
	2.00 PETANG – 8.00 MALAM
	8.00 MALAM –12.00 MALAM

One Stop Crisis Centre (OSCC)



Jabatan Kecemasan dan Trauma juga mengendalikan semua kes-kes One Stop Crisis Centre (OSCC). Sebuah bilik khas telah di gunakan sebagai bilik untuk kes-kes OSCC ini

Medical Emergency Coordinating Centre Johor Bahru (MECCJB)

Merupakan Pusat Koordinasi Panggilan Ambulan untuk negeri Johor (Zon Selatan), berfungsi 24 jam sebagai pusat panggilan dan koordinasi ambulan, dimana untuk mengendalikan perkhidmatan ambulan negeri Johor (Zon Selatan). Daerah dalam lingkungan zon selatan adalah Johor Bahru, Kota tinggi, Mersing, Kulaijaya, Pontian dan Kluang



Makmal Mini



Menyediakan perkhidmatan makmal untuk pesakit Jabatan Kecemasan dan Trauma yang memerlukan Ujian dan keputusan segera. Diantara perkhidmatan yang disediakan adalah:

- Pemeriksaan darah "full blood count"
- Pemerisaan darah "arterial blood gases"
- Pemerisaan darah "cardiac enzyme"
- Pemeriksaan " urine analysis"

Bilik Gerakan Bencana / Bilik Seminar

Bilik Gerakan Bencana Terletak di bahagian tengah Jabatan Kecemasan dan Trauma . Bilik Gerakan Bencana ini akan diaktifkan dan digunakan semasa mengendalikan bencana yang memerlukan tindakan Hospital Sultanah Aminah. Kelengkapan asas untuk mengendalikan bencana diletakkan disini ,antaranya "action card", Talian Telefon, Ruang Mesyuarat dan sebagainya .

Dalam keadaan tidak berlaku bencana bilik ini digunakan untuk mengendalikan sesi pembelajaran berterusan anggota Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi menambahkan kemahiran dalam menjalankan perkhidmatan samada dari segi klinikal ataupun sahsiah.



Wad Pemerhatian



Wad Pemerhatian Jabatan Kecemasan dan Trauma dilengkapi dengan 12 unit katil dan beroperasi 24 jam. Seorang Jururawat ditempatkan di Wad Pemerhatian bagi mengendalikan pesakit yang dimasukkan ke wad ini.

Program Penempatan Wajib (Penolong Pegawai Perubatan)

Bermula dari tahun 2008 Jabatan Kecemasan telah mengendalikan Program Penempatan Wajib (PPW) yang telah diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melatih Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Baru. Setip Kumpulan ditempatkan selama enam bulan untuk penempatan wajib di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Modul-modul khas telah disediakan untuk memastikan setiap Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Baru dapat menjalankan tugas mereka dengan baik selepas selesai menjalankan latihan di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

